

03/06/2000

Yang di-Pertuan Agong hadir majlis tahlil

KUALA LUMPUR, Jumaat - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah menghadiri majlis tahlil sempena sambutan hari keputeraan baginda esok.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali; diplomat asing serta kira-kira 300 jemaah lain.

Majlis yang diadakan di Masjid Negara itu dimulakan dengan sembahyang maghrib dan kemudian diikuti dengan bacaan tahlil oleh Imam II Masjid Negara, Pirdaus Ismail.

Sembahyang Isyak pula diimamkan oleh Imam I, Azahari Othman.

(END)